UNION OF BEVERAGE INDUSTRY WORKERS, FEDERATION OF MALAYA & SATU LAGI

lwn.

SYED SHAHIR SYED MOHAMUD & YANG LAIN DAN KES-KES LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
RAUS SHARIF H
[SAMAN PEMULA NO: R1-24-03-2005,
R1-24-04-2005 & R1-24-10-2005]
3 OGOS 2005

UNDANG-UNDANG BURUH: *Kesatuan sekerja - Mesyuarat perwakilan - Pemilihan pegawai-pegawai - Kehadiran perwakilan yang tidak layak hadir – Sama ada memudaratkan mesyuarat - Sama ada pemilihan tak sah dan batal ab initio - Sama ada pemilihan harus diadakan semula*

Di dalam kes *Abdul Jalil Abdul Hamid & Ors v. Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja Malaysia & Ors,* kes yang melibatkan pertelagahan di antara dua kumpulan, Kumpulan Jalil dan Kumpulan Fauzi, di mana masing-masing mendakwa sebagai pemegang-pemegang sah jawatan Exco Kesatuan Sekerja Nasional Pekerja-Pekerja Bank ('NUBE'), Mahkamah Tinggi telah membuat keputusan yang secara berkesannya menyebabkan NUBE, sebuah kesatuan sekerja yang bernaung di bawah Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia ('MTUC'), tidak lagi boleh berfungsi kerana ketiadaan Exco yang didaftar di bawah s. 41 Akta Kesatuan Sekerja 1959. Pada 29 dan 30 Disember 2004, MTUC telah mengadakan mesyuarat perwakilan bagi memilih pegawai-pegawai utamanya bagi penggal 2005 – 2007, dan di antara perwakilan yang hadir adalah 27 perwakilan NUBE yang dihantar oleh Kumpulan Jalil. Fakta menunjukkan bahawa, sebelum pemilihan bermula, bantahan telah dibuat mengenai kehadiran 27 perwakilan dari NUBE itu, namun MTUC tetap membenarkan mereka hadir dan mengundi dalam pemilihan tersebut. Pengundian telah dijalankan, dan calon-calon yang menang untuk jawatan-jawatan yang dipertanding telah diisytiharkan.

Plaintif-plaintif dalam tiga saman pemula di sini, yang bertanding bagi jawatan-jawatan Setiausaha Kewangan dan Naib Presiden (Sektor Swasta) – dan kalah – mengatakan bahawa MTUC silap apabila membenarkan 27 perwakilan NUBE hadir dan mengundi dalam mesyuarat perwakilannya, sekaligus menyebabkan pemilihan yang dibuat tidak sah dan batal. Plaintif-plaintif dengan itu memohon mahkamah untuk mengisytiharkan: (i) sebagai tidak sah dan batal *ab initio*

keseluruhan pemilihan pegawai-pegawai utama MTUC untuk penggal 2005 – 2007; (ii) secara alternatifnya, sebagai tidak sah dan batal *ab initio* keputusan pemilihan perwakilan untuk jawatan-jawatan Setiausaha Kewangan dan Naib Presiden (Sektor Swasta); dan (iii) bahawa MTUC perlu mengadakan satu pemilihan baru tanpa kehadiran 27 perwakilan dari NUBE dengan menandingkan calon-calon yang sama. Di hadapan yang arif hakim, isu penting yang berbangkit adalah sama ada kehadiran 27 perwakilan NUBE di mesyuarat perwakilan MTUC di sini telah memudaratkan mesyuarat tersebut, sekaligus menyebabkan pemilihan-pemilihan yang dibuat di situ tidak sah dan batal.

Diputuskan (membenarkan perisytiharan sebahagiannya):

[1] Keputusan dalam kes NUBE membawa implikasi bahawa Kumpulan Jalil tidak mempunyai kuasa atau mandat untuk mengemukakan senarai perwakilan ke mesyuarat perwakilan MTUC. Jadi tindakan MTUC untuk membenarkan 27 perwakilan NUBE untuk hadir dan mengundi di mesyuarat perwakilan MTUC itu adalah salah dan tidak selari dengan keputusan mahkamah di dalam kes NUBE. Keputusan MTUC untuk membenarkan 27 perwakilan NUBE dari Kumpulan Jalil untuk hadir dalam mesyuarat perwakilan MTUC adalah tidak sah dan batal *ab initio.* (ms 155 c-h & 156 a)

[2] Tidak ada apa-apa kebaikan diperolehi jika permohonan plaintif-plaintif untuk mengisytiharkan keseluruhan keputusan pemilihan pegawai-pegawai utama MTUC untuk penggal 2005 – 2007 sebagai tidak sah dan batal *ab initio* dibenarkan. Dalam soal ini, selain dari plaintif-plaintif, dan kesatuan-kesatuan yang mereka wakili, calon-calon lain atau kesatuan-kesatuan yang lain tidak mempertikaikan keputusan pemilihan pegawai-pegawai utama MTUC yang telah diadakan. Oleh yang demikian, dalam halkeadaan kes, apa yang harus dibenarkan adalah mengenai permohonan mereka untuk mengisytiharkan sebagai tidak sah dan batal *ab initio* keputusan pemilihan jawatan Naib Presiden (Sektor Swasta) dan jawatan Setiausaha Kewangan MTUC untuk penggal 2005 – 2007 tersebut. Mahkamah dengan itu membuat perisytiharan sedemikian. (ms 156 d-g)

[2a] MTUC hendaklah mengadakan satu mesyuarat perwakilan khas untuk tujuan mengadakan satu pemilihan baru untuk jawatan-jawatan Naib Presiden (Sektor Swasta) dan Setiausaha Kewangan, dan calon-calon yang bertanding hendaklah terhad kepada calon-calon yang sama yang telah bertanding di mesyuarat perwakilan MTUC yang diadakan pada 29 dan 30 Disember 2004. Pemilihan hendaklah diadakan dalam tempoh 60 hari dari tarikh perintah ini dan dibuat tanpa kehadiran perwakilan dari NUBE. (ms 157 a-b)

Kes-kes yang dirujuk:
Abdul Jalil Abdul Hamid & Ors v. Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja Malaysia & Ors [2004] 4 MLJ 582 ***(diikuti)***

Perundangan yang dirujuk:
Trade Unions Act 1959, s. 41

Bagi pihak plaintif - D Kalaimani; T/n Kalai & Partners
Zainur Zakaria; T/n Zainur Zakaria & Co
Bagi pihak defendan-defendan - B Lobo; T/n Lobo & Assoc

Dilaporkan oleh WA Sharif

PENGHAKIMAN

Raus Sharif H:
Tiga Saman Pemula, iaitu R1-24-03-2005, R1-24-04-2005 dan R1-24-10-2005 telah difailkan di mahkamah ini oleh plaintif-plaintif yang berlainan terhadap defendan-defendan yang sama. Relif-relif yang dipohon oleh plaintif-plaintif di dalam ketiga-tiga saman pemula tersebut adalah sama sahaja dan pada asasnya plaintif-plaintif mempertikaikan keputusan pemilihan pegawai-pegawai utama, Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) untuk penggal 2005-2007 sebagai yang telah diumumkan dalam mesyuarat perwakilan MTUC pada 30 Disember 2004.

Fakta kes ini adalah seperti berikut. Pada 29 dan 30 Disember 2004 MTUC telah mengadakan mesyuarat perwakilan untuk pemilihan pegawai-pegawai utama MTUC untuk penggal 2005-2007. Sebelum pengundian dijalankan bantahan telah dikemukakan mengenai kelayakan 27 perwakilan dari Kesatuan Sekerja Nasional Pekerja-Pekerja Bank (NUBE) untuk hadir dan mengundi di mesyuarat perwakilan MTUC itu. Pengerusi mesyuarat perwakilan MTUC telah merujuk bantahan tersebut kepada "General Purposes Committee" (GPC) seperti yang diperuntukkan di bawah "Standing Orders" MTUC. GPC telah membuat keputusan bahawa 27 perwakilan NUBE adalah layak untuk hadir dan mengundi dalam mesyuarat perwakilan tersebut. Selepas pengundian dijalankan keputusan pemilihan pegawai utama MTUC untuk penggal 2005-2007 seperti yang telah diumumkan adalah seperti berikut:

Presiden		*a*
Sdra Syed Shahir bin Syed Mohamud (NUTEAIW)	287 undi	
Sdra Zainal Rampak (TWU)	240 undi	
Timbalan Presiden		
Tuan Hj Mohamed Shafie BP Mammal (NUTE)	Menang tanpa bertanding	*b*
Setiausaha Agung		
Sdra G. Rajasekaran (MIEU)	311 undi	*c*
Dato' N. Siva Subramaniam (NUTP)	216 undi	
Timbalan Setiausaha Agung		
Sdra Abdul Halim bin Mansor (NUPCIW)	322 undi	*d*
Sdra R. Chandrasekaran (NUNW)	201 undi	
Setiausaha Kewangan		
Sdra A. Sivananthan (SELANGOR TEXTILE)	291 undi	*e*
Sdra Awang Ibrahim (UBIW)	235 undi	
Timbalan Setiausaha Kewangan		
Sdra Ng Choo Seong (ABOM)	269 undi	
Tuan Hj W.M. Naim Shukri Mohamad (TNB)	257 undi	*f*
Naib Presiden (Sektor Swasta)		
Sdra Mohd Khalid bin Hj Atan (TEU)	274 undi	
Sdra A. Balasubramaniam (UNEPASS)	273 undi	
Sdra. Abdullah Sani bin Abdul Hamid (CLUB)	269 undi	*g*
Sdra P. Maniyam (EIWU)	265 undi	
Sdra K. Brabakarun (NMMPMEU)	257 undi	
Sdra Mustafar bin Maarof (MASEU)	255 undi	
Sdra Hang Tuah bin Raja Iskandar (TNBJOU)	242 undi	
Sdra Mohd Jafar bin Abd Majid (NUTE)	215 undi	*h*

i

a	Sdra Abdul Razak bin Md Hassan (RUM)	210 undi
	Sdra Robert Vijendran (RWEU)	190 undi
	Sdra Abdul Razak bin Abdul Hamid (PENANG TEXTILE)	58 undi
b	Sdra Isnain bin Abd Rahim (CENTRAL SUGAR)	27 undi
	Naib Presiden (Sektor Awam)	
	Sdra Lim Cheng Uo (NUTP)	330 undi
	Sdri Siti Azizah Abd Rahman (MNU)	322 undi
c	Sdri Kang Bee Leng (AUEGCAS)	310 undi
	Sdra Laurence Vun (SMSU)	275 undi
	Sdra Samuel Devadasan (MTSU)	242 undi
	Naib Presiden (Badan-Badan Berkanun)	
d	Tuan Hj Indera Putra Hj Ismail (FELDA)	319 undi
	Sdra K. Vinothan (UMGSU)	294 undi
	Sdra S. Ravindran (PMSU)	284 undi
	Sdra Mohd Noor Abdullah (PERKESO)	239 undi
e	Tuan Hj Omar bin Hj Osman (KEPERTAMA)	207 undi
	Tuan Hj Mohd Pudzil bin Hj Mohd Wahi (IROU)	109 undi

Untuk pemilihan Naib Presiden (Sektor Swasta), 5 calon yang mendapat undi teratas dari 12 calon yang bertanding, telah diisytiharkan sebagai calon yang telah dipilih sebagai Naib-Naib Presiden (Sektor Swasta) MTUC. Sdra Hang *f* Tuah bin Raja Iskandar (Sdra Hang Tuah) yang merupakan Presiden kepada Kesatuan Pegawai-Pegawai Rendah Tenaga Nasional Berhad yang bertanding sebagai salah seorang Naib Presiden (Sektor Swasta) telah kalah kepada calon yang terdekat iaitu Sdra K. Brabakarun dengan 15 undi, Sdra P. Maniyam dengan 13 undi, Sdra Abdullah Sani bin Abdul Hamid dengan 27 undi, Sdra *g* A. Balasundram dengan 31 undi dan Sdra Mohd. Khalid bin Haji Atan dengan 32 undi. Sdra Hang Tuah dan kesatuan yang beliau wakili, mempertikaikan keseluruhan keputusan pemilihan pegawai-pegawai utama MTUC tersebut dan mengemukakan Saman Pemula R1-24-10-2005 untuk memohon antara lain relif-relif berikut:

h

i

(a) Satu deklarasi bahawa keputusan MTUC untuk membenarkan 27 perwakilan yang mewakili (NUBE) untuk hadir dan mengundi dalam mesyuarat perwakilan MTUC yang diadakan pada 29 Disember 2004 adalah tidak sah dan batal *ab initio*;

(b) Satu deklarasi bahawa keputusan pemilihan pegawai utama MTUC untuk penggal 2005 – 2007 sebagaimana yang diumumkan dalam mesyuarat perwakilan MTUC yang diadakan pada 30 Disember 2004 adalah tidak sah dan batal *ab initio*;

(c) Secara alternative, satu deklarasi bahawa keputusan pemilihan untuk jawatan Naib Presiden (Sektor Swasta) MTUC untuk penggal 2005 – 2007 sebagaimana yang diumumkan dalam mesyuarat perwakilan MTUC yang diumumkan dalam mesyuarat perwakilan MTUC yang diadakan pada 30 Disember 2004 adalah tidak sah dan batal *ab initio*;

(d) Satu perintah mengarah pegawai-pegawai utama MTUC yang memegang jawatan sebelum 30 Disember 2004 untuk mengadakan satu pemilihan baru dalam kedua-dua kes di mana pengisytiharan dibuat di bawah perenggan (b) atau (c) dalam tempoh 60 hari dari tarikh Perintah ini tanpa kehadiran 27 perwakilan yang mewakili NUBE dan calon-calon untuk semua jawatan dalam kedua-dua kes jika pengisytiharan dibuat di bawah perenggan (b) atau (c), hendaklah dikekalkan;

(e) Satu perintah memberi kebenaran kepada pegawai-pegawai utama MTUC sebelum 30 Disember 2004 untuk mengadakan atau mengeluarkan perbelanjaan yang munasabah daripada dana kepunyaan MTUC untuk tujuan tunggal bagi melaksanakan arahan mahkamah di bawah perenggan (d); dan

(f) Kos.

Seorang lagi calon Naib Presiden (Sektor Swasta) yang bertanding dan kalah ialah Sdra Mustafar bin Maarof. Beliau adalah Setiausaha Eksekutif Kesatuan Sekerja Sistem Penerbangan Malaysia, Semenanjung Malaysia. Sdra Mustafar Maarof mendapat tempat keenam di dalam pemilihan tersebut di mana beliau kalah kepada calon terdekat iaitu Sdra Brabakarun dengan 2 undi, Sdra P. Maniyam dengan 10 undi, Sdra Abdullah Sani bin Abdul Hamid dengan 14 undi, Sdra A. Balasubramaniam dengan 18 undi dan Sdra Mohamad Khalid bin Haji Atan dengan 19 undi. Sdra Mustafar bin Maarof bersama kesatuan yang diwakilinya juga mempertikaikan keseluruhan keputusan pemilihan pegawai-pegawai utama MTUC dan mengemukakan pula Saman Pemula R1-24-04-2005. Relif-relif yang dipohon terhadap defendan-defendan adalah sama seperti yang dipohon oleh plaintif-plaintif di dalam Saman Pemula R1-24-10-2005.

Seorang lagi calon yang mempertikaikan keputusan pemilihan pegawai-pegawai utama MTUC ialah Sdra Awang bin Ibrahim. Beliau adalah Setiausaha kepada Kesatuan Minuman Perusahaan Pekerja-Pekerja Persekutuan Tanah Melayu. Sdra Awang bin Ibrahim bertanding untuk jawatan Setiausaha Kewangan MTUC, dan telah kalah kepada calon Sdra A. Sivanathan dengan 56 undi. Sdra Awang bin Ibrahim bersama kesatuan yang diwakilinya telah mengemukakan Saman Pemula iaitu No. R1-24-03-2005 juga mempertikaikan keseluruhan keputusan pemilihan pegawai-pegawai utama MTUC. Relif-relif yang dipohon terhadap defendan-defendan adalah sama seperti relif-relif yang dipohon di dalam Saman Pemula No. R1-24-10-2005 dan No. R1-24-04-2005.

Asas tindakan plaintif-plaintif di dalam ketiga-tiga saman pemula tersebut terhadap defendan-defendan adalah berkaitan dengan keputusan MTUC yang membenarkan 27 perwakilan dari NUBE untuk hadir dan mengundi di mesyuarat perwakilan MTUC yang diadakan pada 29 dan 30 Disember 2004. Menurut plaintif-plaintif, 27 perwakilan NUBE tersebut tidak berhak untuk hadir dan mengundi di mesyuarat perwakilan MTUC. Menurut mereka keputusan mahkamah di dalam kes *Abdul Jalil Abdul Hamid & Ors. v. Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja Malaysia & Ors.* [2004] 4 MLJ 582 (kes NUBE) jelas menyatakan bahawa Kumpulan Jalil tidak boleh diiktiraf sebagai kumpulan yang mewakili NUBE.

Kes NUBE memaparkan pertikaian dua kumpulan iaitu kumpulan Fauzi dan Kumpulan Jalil di dalam NUBE. Kedua-dua kumpulan tersebut mendakwa mereka adalah jawatankuasa eksekutif tempatan (Exco) kepada NUBE. Untuk tujuan itu kumpulan Fauzi telah memfailkan dua Borang L yang bertarikh 2 November 2001 dan 9 Mei 2002 untuk pendaftaran dengan Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja (KPKS) di bawah s. 41 Akta Kesatuan Sekerja 1959. Borang-borang L tersebut menamakan pemegang-pemegang jawatan Exco NUBE dari Kumpulan Fauzi. Kumpulan Jalil pula telah memfailkan 3 Borang L masing-masing bertarikh 26 April 2002, 30 April 2002 dan 3 Mei 2002 yang menamakan kumpulannya sebagai pemegang-pemegang jawatan Exco NUBE. Dalam hal ini KPKS telah mendaftarkan Borang-Borang L yang dikemukakan oleh Kumpulan Fauzi dan menolak Borang-Borang L yang dikemukakan oleh Kumpulan Jalil. Berikutan dengan keputusan KPKS itu, Kumpulan Jalil telah membuat permohonan semakan kehakiman untuk suatu perintah *certiorari* untuk membatalkan keputusan KPKS kerana menolak Borang-Borang L Kumpulan Jalil dan menerima Borang-Borang L yang difailkan oleh Kumpulan Fauzi.

Saya yang mendengar kes NUBE tersebut telah memutuskan bahawa KPKS adalah betul dari segi undang-undang untuk menolak Borang-Borang L yang difailkan oleh Kumpulan Jalil. Juga, telah saya putuskan bahawa KPKS adalah salah menerima Borang-Borang L yang difailkan oleh Kumpulan Fauzi. Kumpulan Jalil tidak membuat rayuan terhadap keputusan tersebut. Kumpulan Fauzi telah membuat rayuan, tetapi rayuan Kumpulan Fauzi telah ditolak oleh Mahkamah Rayuan.

Berikutan dengan keputusan Mahkamah di dalam kes NUBE tersebut, maka timbullah keadaan dimana NUBE tidak boleh berfungsi kerana ketiadaan Exco yang didaftarkan di bawah s. 41 Akta Kesatuan Sekerja 1959. Persoalannya bagaimanakah Kumpulan Jalil boleh menghantar satu senarai perwakilan dari NUBE kepada MTUC untuk menghadiri dan mengundi dalam mesyuarat perwakilan MTUC yang diadakan pada 29 Disember dan 30 Disember 2004. Keputusan di dalam kes NUBE membawa implikasi bahawa Kumpulan Jalil tidak mempunyai kuasa atau mandat untuk mengemukakan senarai perwakilan ke mesyuarat perwakilan MTUC. Jadi tindakan MTUC untuk membenarkan 27 perwakilan NUBE untuk hadir dan mengundi di mesyuarat perwakilan MTUC itu adakah salah dan tidak selari dengan keputusan Mahkamah di dalam kes NUBE.

Sememangnya MTUC tidak menjadi pihak di dalam kes NUBE. Namun, kemelut di dalam NUBE adalah dalam pengetahuan MTUC. Melalui surat bertarikh 21 Disember 2004, peguamcara Kumpulan Fauzi telah menghuraikan keputusan Mahkamah mengenai kes NUBE dan juga mengemukakan salinan perintah Mahkamah mengenai kes tersebut kepada MTUC. Malah di dalam mesyuarat perwakilan MTUC, beberapa perwakilan telah mengemukakan bantahan terhadap kehadiran 27 perwakilan NUBE yang dicalonkan oleh Kumpulan Jalil. Walaubagaimanapun, MTUC tetap membenarkan 27 perwakilan NUBE untuk hadir dan mengundi di mesyuarat perwakilan MTUC tersebut. Pada saya, tindakan MTUC untuk membenarkan 27 perwakilan NUBE yang dicalonkan oleh Kumpulan Jalil untuk menghadiri dan mengundi dalam mesyuarat perwakilan MTUC adalah tersasar kerana gagal memberikan efek kepada perintah mahkamah.

Walaupun telah dihujah oleh peguam MTUC yang bijaksana bahawa keputusan untuk menerima perwakilan NUBE yang dikemukakan oleh Kumpulan Jalil telah dibuat oleh GPC menurut 'Standing Order' MTUC dan setelah dipersetujui oleh mesyuarat perwakilan, tetapi hakikatnya GPC atau mesyuarat perwakilan MTUC tidak boleh mengesahkan tindakan Kumpulan Jalil dan membelakangkan keputusan mahkamah. Dengan itu, deklarasi pertama yang dipohon oleh plaintif-plaintif di dalam ketiga-tiga saman pemula adalah berasas dan dengan ini saya mengisytiharkan bahawa keputusan MTUC untuk membenarkan 27 perwakilan

NUBE dari Kumpulan Jalil untuk hadir dan mengundi dalam mesyuarat perwakilan MTUC yang diadakan pada 29 Disember dan 30 Disember 2004 adalah tidak sah dan batal *ab initio*.

Persoalan seterusnya apakah akibat pengisytiharan di atas kepada keputusan pemilihan pegawai-pegawai utama MTUC dengan penyertaan 27 perwakilan NUBE dalam pengundian tersebut. Plaintif-plaintif di dalam ketiga-tiga Saman Pemula tersebut telah memohon kepada Mahkamah ini supaya mengisytiharkan keseluruhan pemilihan pegawai-pegawai utama MTUC untuk penggal 2005 – 2007 sebagai tidak sah dan batal *ab initio.* Secara alternatif, plaintif-plaintif memohon supaya keputusan pemilihan perwakilan untuk jawatan Naib Presiden (Sektor Swasta) di mana Sdra Hang Tuah dan Sdra Mustafar bin Maarof bertanding dan keputusan pemilihan perwakilan untuk jawatan Setiausaha Kewangan di mana Sdra Awang bin Ibrahim bertanding, diisytiharkan tidak sah dan batal *ab initio*. Plaintif-plaintif juga memohon dalam mana-mana keadaan supaya satu pemilihan baru diadakan tanpa kehadiran 27 perwakilan dari NUBE dan menandingkan calon-calon yang sama.

Saya berpendapat tidak ada apa-apa kebaikan akan diperolehi jika permohonan plaintif-plaintif untuk mengisytiharkan keseluruhan keputusan pemilihan pegawai-pegawai utama MTUC untuk penggal 2005 – 2007 diisytiharkan tidak sah dan batal *ab initio.* Dalam soal ini selain dari Sdra Hang Tuah, Sdra Mustafar bin Maarof dan Sdra Awang bin Ibrahim dan kesatuan-kesatuan yang mereka wakili, calon-calon lain atau kesatuan-kesatuan yang lain tidak mempertikaikan keputusan pemilihan pegawai-pegawai utama MTUC yang telah diadakan. Calon-calon dan kesatuan-kesatuan yang lain itu nampaknya menerima keputusan pemilihan tersebut dan di dalam hal ini, plaintif-plaintif dalam ketiga-tiga saman tersebut tidak boleh dikatakan mewakili calon-calon lain atau kesatuan-kesatuan yang lain itu. Jadi, adalah tidak perlu untuk mahkamah ini membuat deklarasi kedua yang dipohon oleh plaintif-plaintif supaya keputusan pemilihan pegawai-pegawai utama MTUC untuk penggal 2005 – 2007 diisytiharkan sebagai batal dan tidak sah. Apa yang boleh dibenarkan dalam permohonan plaintif-plaintif ialah mengenai permohonan mereka untuk mengisytiharkan supaya keputusan pemilihan jawatan Naib Presiden (Sektor Swasta) dan jawatan Setiausaha Kewangan, MTUC untuk penggal 2005 – 2007 sebagai yang diumumkan dalam mesyuarat perwakilan MTUC yang diadakan pada 30 Disember 2004 sebagai tidak sah dan batal *ab initio.* Dengan itu saya membuat pengisytiharan sedemikian.

Sebagai susulan kepada pengisytiharan itu saya dengan ini mengeluarkan perintah supaya MTUC mengadakan satu mesyuarat perwakilan khas untuk tujuan mengadakan satu pemilihan baru untuk jawatan-jawatan Naib Presiden (Sektor Swasta) dan Setiausaha Kewangan MTUC. Calon-calon yang bertanding hendaklah terhad kepada calon-calon yang sama yang telah bertanding di mesyuarat perwakilan MTUC yang diadakan pada 29 dan 30 Disember 2004. Pemilihan itu hendaklah diadakan dalam tempoh 60 hari dari tarikh perintah ini dan hendaklah dibuat tanpa kehadiran perwakilan dari NUBE.

Kesimpulannya, permohonan plaintif-plaintif di dalam ketiga-tiga saman pemula adalah dibenarkan seperti yang dinyatakan di atas. Defendan-defendan adalah diperintahkan untuk menanggung kos di dalam ketiga-tiga saman pemula ini.